

NO. SOALAN: 28I

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

RUJUKAN : 9752

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk penyeludupan manusia dan penjualan bayi-bayi sejak 2010, (dari tahun ke tahun), bilangan orang yang telah dituduh untuk kesalahan-kesalahan tersebut dan bilangan orang yang telah disabitkan untuk kesalahan yang sama.

JAWAPAN:

Isu penyeludupan manusia dan penjualan bayi merupakan kes jenayah yang diberikan perhatian serius oleh Kerajaan. Akta Anti Pmerdagangan Orang (Akta 670) telah digubal bagi mencegah serta memerangi jenayah pmerdagangan manusia dan penyeludupan migran yang dikuatkuasakan sejak 28 Februari 2008. Pelbagai usaha telah diambil bagi mengekang aktiviti ini daripada terus berleluasa dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa dalam negara.

Statistik kes tangkapan atas kesalahan pmerdagangan orang bagi tahun 2010 hingga 2016 seperti berikut:

BIL	PERKARA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1	Jumlah Kes	132	117	195	100	186	158	447	1,335
2	Jumlah Tangkapan	195	159	244	154	249	247	678	1,926

Statistik mengikut jenis kesalahan pemerdagangan orang bagi tahun 2010 hingga 2016 seperti berikut:

BIL	PERKARA	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
1.EKSPLOITASI									
1.1	Seks	67	52	102	58	105	73	322	779
1.2	Kerja Paksa	34	46	66	40	80	55	120	441
1.3	Penghambaan	0	0	0	0	0	0	0	0
1.4	Pengabdian	0	0	0	0	0	0	0	0
1.5	Pemindahan organ	0	0	0	0	0	0	1	1
2. LAIN-LAIN KESALAHAN									
2.1 KESALAHAN DI BAWAH AKTA IMIGRESEN									
2.1.1	Penyeludupan Migran	11	0	0	0	0	0	0	11
2.1.2	Kesalahan Visa	0	10	22	2	0	29	0	63
2.1.3	Penjualan Bayi	20	9	5	0	1	1	4	40
Jumlah		132	117	195	100	186	158	447	1,335

Statistik pertuduhan dan sabitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara atas kesalahan penyeludupan migran bagi tahun 2010 hingga 2016 adalah seperti berikut:

PERKARA	TAHUN							JUMLAH
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	
Kes Yang Telah Dituduh	0	27	49	66	75	20	0	237
Sabitan	0	19	23	35	31	2	9	119